

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 15 JUN 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 23

MENGANGKAT SUMPAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-022-L18863
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan Gagasan "SATU MALAYSIA" dari segi perlaksanaan dan penerapannya kepada masyarakat majmuk di Malaysia dan bagaimanakah Gagasan ini akan dapat lebih bermanfaat dalam menterjemahkan kejayaan Wawasan 2020.
2. PR-022-L18928
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kewajaran dan peruntukan undang-undang yang membolehkan polis mencerooboh persidangan Dewan Undangan Negeri Perak pada 7hb. Mei 2009, dan mengheret keluar Speaker yang sedang melaksanakan tugas ketika persidangan tersebut berjalan.
3. PR-022-L18467
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) apakah pihak Kementerian berhasrat untuk membuat Penyelarasan dengan Penggunaan Satu (Format) mengenai Sistem Pendaftaran eKasih SPKR (Skim Program Kesejahteraan Rakyat) dan PBR (Program Bantuan Rumah) serta lain-lain Agensi Kerajaan; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menyelaraskan Pemberian Bantuan ini kepada satu Agensi Kerajaan sahaja kerana buat masa kini sudah terdapatnya permohonan serta kelulusan yang bertindih.

4. PR-022-L20123
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
 - (a) mengapa mengikut senarai konservasi Jabatan Warisan Negara 2006-2008, hanya 9 projek diperolehi untuk Pulau Pinang berbanding 49 untuk Melaka; dan
 - (b) berapakah pula bilangan projek, jenis projek dan kos yang diperuntukkan kepada Pulau Pinang bagi tahun 2009 dan 2010.
5. PR-022-L18426
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah benar Pakej Rangsangan Ekonomi yang dikemukakan oleh Kerajaan baru-baru ini akan pergi kepada sasaran yang tepat iaitu untuk membantu rakyat, terutama rakyat di kawasan luar bandar.
6. PR-022-L19366
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tindakan Kementerian berikutan peningkatan kes ponteng sekolah dan samseng jalanan melibatkan para pelajar seluruh negara tetapi mengapakah mekanisme di Kementerian tidak begitu berfungsi untuk menangani masalah ini.
7. PR-022-L18823
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sepanjang tempoh lima tahun di antara 2004 hingga 2008, berapakah jenis penyakit merbahaya dan berjangkit bawaan haiwan yang melibatkan berbagai negara dan menular ke negara ini. Sehingga hari ini berapakah kes Virus Selesema Babi atau Influenza A (H1N1) yang dikesan di negara ini dan apakah di antara langkah-langkah yang diambil dalam membendung penyebaran penyakit tersebut.
8. PR-022-L19663
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani masalah kesesakan teruk di depot tahanan Imigresen di seluruh negara ekoran sikap "lepas tangan" beberapa kedutaan asing yang enggan mengaku pendatang tanpa izin (PATI) terbabit adalah warganegara mereka sehingga menyukarkan urusan penghantaran balik PATI.

9. PR-022-L20005
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Akta Pilihan Raya 1958 dengan mengenakan hukuman kepada parti politik terbabit bagi menghalang wakil rakyat mengosongkan kerusi tanpa sebab munasabah dan mempersendakan prinsip dan amalan demokrasi negara.
10. PR-022-L19463
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengikut statistik, kemiskinan di luar bandar sama ada di Sabah, Terengganu dan Kelantan sangat tinggi. Terangkan rancangan jangka pendek dan jangka panjang serta tempoh masa bagi menurunkan kadar kemiskinan tersebut.
11. PR-022-L19643
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dari segi melindungi dan mempertahankan serangan atau peperangan siber dari dalam dan luar negara.
12. PR-022-L19928
Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan kongkongan Kerajaan terhadap kebebasan media, rakyat terutama di kawasan bandar mendapatkan maklumat dari Internet, seperti blog, website, Youtube dan lain-lain menyebabkan jualan akhbar dan penonton berita TV tempatan semakin merosot.
13. PR-022-L18605
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sehingga sekarang berapa buah negeri yang telah menggunakan Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (e-KAS) dan apakah usaha Kementerian bagi mempertingkatkan mutu sistem ini dalam usaha memantau kualiti alam sekitar dengan lebih berkesan.
14. PR-022-L20098
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan sebab-sebab syarikat-syarikat stesen minyak tidak dibenarkan bersaing secara terbuka dan dibenarkan menjual petrol dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang ditentukan oleh Kerajaan.

15. PR-022-L19334
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) bilangan bukan Melayu yang menyertai angkatan tentera dan apakah usaha yang dilakukan bagi menarik bukan Melayu menganggotai Angkatan Tentera Malaysia; dan
 - (b) apakah usaha membantu pesara-pesara tentera dan adakah cadangan memberikan sagu hati kepada bekas tentera pelbagai pangkat bagi Askar Wataniah Kerahan yang tidak mencarum dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) semasa mereka berkhidmat.
16. PR-022-L20048
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang kerjasama MIDA di dalam membantu mempermudah pelaburan dana asing ke negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat.
17. PR-022-L18486
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan Kementerian tentang penanaman getah di Sarawak. Sila senaraikan jumlah peruntukan yang diberi amnya untuk Sarawak setiap tahun secara keseluruhannya, serta mengikut bahagian dari tahun 2000 hingga 2009.
18. PR-022-L19050
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penyeludupan manusia yang berlaku di kawasan perairan Malaysia dari tahun 2005 hingga 2008.
19. PR-022-L19937
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah kemalangan yang berlaku di Jalan Gemas ke Air Hitam, Johor dari tahun 2006 hingga Mei 2009. Adakah pembinaan beberapa jambatan berkembar di sepanjang jalan Gemas ke Ayer Hitam telah menyebabkan kekeliruan kepada pengguna jalan raya sehingga menyebabkan kemalangan berlaku.
20. PR-022-L19750
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan erti sebenar "Satu Malaysia". Apakah bezanya Satu Malaysia dengan objektif "Bangsa Malaysia" yang tertera dalam Wawasan 2020.

21. PR-022-L19214
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pemantauan dan kaedah yang digunakan bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan projek-projek yang dirancang melalui peruntukan RM60 bilion di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang diumumkan dahulu.
22. PR-022-L18761
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menyusun semula struktur dan organisasi KADA dengan melantik pengerusi, ahli lembaga pengarah dan kakitangan kerana KADA dilihat gagal sebelum ini dalam menjalankan fungsi dan mencapai matlamat untuk memajukan pertanian luar bandar dan meningkat ekonomi kaum petani.
23. PR-022-L18956
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang tarikh permulaan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Paris, Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Sukau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Entilibon di daerah Kinabatangan.
24. PR-022-L18508
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramai doktor yang telah melanggar etika kedokteran dan apakah jenis tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian.
25. PR-022-L18580
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengapa Kerajaan menarik balik sebahagian peruntukan dari Projek Bekalan Air Kuala Muda / Sik Pakej A, B dan C kerana projek ini amat diperlukan untuk pembekalan air di daerah Kuala Muda /Sik.
26. PR-022-L20158
Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mencegah kegiatan penyeludupan manusia yang kebelakangan ini menjadikan Malaysia sebagai pusat transit terhadap kegiatan tersebut untuk ke negara lain.

27. PR-022-L18637
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah kriteria pihak Kementerian untuk meluluskan program Bekalan Elektrik Luar Bandar (RES) yang disalurkan kepada penduduk. Adakah ia berdasarkan pertimbangan dan ulasan oleh Ahli Parlimen atau hanya kelulusan Pegawai Daerah tanpa sebarang kawalan. Nyatakan sebab-sebabnya.
28. PR-022-L19341
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada pembinaan Hospital Kuala Krai yang hanya dijangka dimulakan pada RMK-10 dapat dipercepatkan ke RMK-9 kerana keadaan kesesakan yang keterlaluan pada masa kini.
29. PR-022-L19344
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Ketua Polis Perak dan Ketua Polis Daerah Ipoh mengambil arahan daripada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker Dewan Undangan Negeri berkenaan dengan Persidangan Dewan Undangan Negeri Perak yang hendak diadakan dalam Dewan Undangan Negeri Perak pada 3/3/2009.
30. PR-022-L18623
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah proses serta kriteria yang digunakan oleh Kerajaan semasa keputusan untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada bank-bank milik asing untuk beroperasi di negara ini.
31. PR-022-L18445
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah bilangan penyumbang KWSP yang belum melantik benefisiari sehingga sekarang; dan
 - (b) berapakah aduan yang telah diterima oleh KWSP berkenaan kehilangan maklumat pelantikan benefisiari dalam sistem KWSP sejak tahun 2000.
32. PR-022-L18432
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah hubungan di antara kaum telah merosot sejak beberapa dekad yang lalu dan apakah usaha-usaha Kerajaan Persekutuan untuk memulihkan perpaduan kaum.

33. PR-022-L19693
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah wang royalti petroleum yang dijanjikan untuk dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu oleh PETRONAS pada bulan September 2008 masih belum dibayar. Sila nyatakan jumlah yang sepatutnya dibayar dari tahun 2000 hingga tahun 2009.
34. PR-022-L19177
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan untuk pemasangan VMS (Variable-Message Sign) di sekitar jalan raya di Lembah Klang; dan
 - (b) adakah ia berkesan dalam usaha untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.
35. PR-022-L18980
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) apakah kajian pihak Kerajaan terhadap tahap kebersihan sungai- sungai di seluruh negara; dan
 - (b) apakah status pelaksanaan oleh Kementerian bagi mencegah dan membaik pulih kawasan tebing sungai di kawasan Parlimen Tenom yang telah runtuh akibat hakisan dan menjejaskan kawasan kediaman penduduk-penduduk di tebing sungai berkenaan.
36. PR-022-L19734
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 memandangkan Akta tersebut adalah tidak relevan pada masa kini. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebab.
37. PR-022-L19133
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) berapa IKS yang telah didirikan di daerah Jempol ; dan
 - (b) bolehkah MIDA mendirikan IKS Khas untuk usahawan yang berasaskan makanan di Jempol.

38. PR-022-L19414
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang dibelanjakan di Tasik Kenyir mulai tahun 2005, hingga 2008.
39. PR-022-L20086
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan konsep Satu Malaysia itu.
40. PR-022-L18801
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setakat ini apakah dasar PPSMI yang melibatkan rundingan meja bulat dengan NGO dan pakar bahasa menghasilkan apa-apa resolusi yang konkrit dalam meneruskan dasar pendidikan dalam bahasa kebangsaan.
41. PR-022-L19203
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan untuk mengambil pendirian tegas bagi terus mengharamkan penggunaan paraquat (racun serangga atau racun rumpai) di ladang-ladang terutama sekali di ladang kelapa sawit kerana penggunaan ini telah mengancam pekerja-pekerja ladang yang juga terdiri daripada kaum wanita.
42. PR-022-L19617
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada dana KWSP akan diizinkan untuk dilaburkan di luar (abroad) memandangkan suasana krisis global yang memberi peluang kepada dana pencen terbesar yang kini sebanyak RM 342 bilion membeli aset pada harga kompetitif dan juga kerana dana melebihi keupayaan pasaran kewangan tempatan untuk menyerap pelaburannya.
43. PR-022-L19339
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap anggota-anggota polis dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang telah melanggar Undang-undang di bawah Seksyen 124 Kanun Keseksaan kerana mereka menghindar dan melarang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak dari memasuki Dewan Undangan Negeri pada 3/3/2009.

44. PR-022-L19111
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mendatangkan kesedaran masyarakat terhadap isu kesaksamaan gender.
45. PR-022-L19143
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- a) berikutan pada Mac lepas, YAB Menteri Kewangan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai RM7 bilion untuk membina daya tahan ekonomi negara, di mana sebanyak 76% daripada dana tersebut telah pun dikeluarkan (disbursed), bolehkah YAB Menteri memberi maklumat terperinci tentang perbelanjaan dana yang telah dikeluarkan; dan
 - b) apakah rancangan kepada dana yang selebihnya.
46. PR-022-L19094
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan struktur gaji dalam Polis Diraja Malaysia bagi setiap jawatan dari konstabel hingga Ketua Polis dan apakah cadangan Kementerian untuk menaikkan gaji konstabel memandangkan gaji mereka sebanyak RM897 adalah di bawah pendapatan garis kemiskinan.
47. PR-022-L18434
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah Universiti Sains Malaysia (USM) dipilih sebagai Universiti APEX memandangkan statusnya tidak seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia di mana dalam bancian The Times Higher Education & Quacquarelli Symonds, USM mencapai tempat ke-69 di belakang Universiti Malaya (39) dan UKM (51).
48. PR-022-L19525
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa setelah Kerajaan membatalkan perkhidmatan Project Management Consultants banyak daripada kontraktor yang mengendalikan kontrak Kerajaan yang di bawah PMC ini tidak dapat membuat tuntutan seperti Variation Orders dan lain-lain kerana projek-projek berkenaan tidak dikendalikan oleh JKR sejak dari awal.

49. PR-022-L19333
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- a) kesahihan Pulau Perdagangan Bebas Labuan di senarai hitamkan oleh beberapa badan kewangan dunia akibat kegiatan kewangan haram di sana; dan
 - b) apakah tindakan Kerajaan agar hal sedemikian tidak berulang.
50. PR-022-L20155
Datuk Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Projek Kerajaan Elektronik yang dilancarkan pada tahun 1996 telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.
51. PR-022-L19236
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratusan tenaga pengajar Institut Pengajian Tinggi yang mempunyai pengalaman bekerja dan pendedahan teknologi perindustrian yang ditawarkan sebagai pensyarah, berbanding dengan hanya kelulusan akademik. Apakah tindakan/dasar yang diguna pakai untuk memastikan tenaga pengajar IPT didedahkan dengan perubahan teknologi dan permasalahan industri yang terkini.
52. PR-022-L18541
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah peranan negara dalam "Human Right Council" dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; dan
 - (b) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah "Human Trafficking" ke negara ini terutama sekali dari kalangan negara miskin.
53. PR-022-L19729
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan hasil kajian awal cadangan projek pembinaan jambatan yang menghubungkan Labuan dengan Sabah.
54. PR-022-L18898
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak polis telah membelakangi segala prosedur penangkapan dan peruntukkan undang-undang sehingga menembak mati 6 lelaki rakyat Malaysia di Karangan, Kulim pada 17 Februari 2009.

55. PR-022-L18860
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyingkirkan Myanmar dari ASEAN sebab Kerajaan junta Myanmar terus tidak mempedulikan seruan Komuniti Antarabangsa untuk mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi dan mengadakan pilihan raya umum yang bebas serta membebaskan Aung San Suu Kyi.
56. PR-022-L19986
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada sekolah rendah mengikut aliran iaitu SRK, SJK (C), SJK (T) dari RMK-1 hingga RMK-9.
57. PR-022-L19070
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan memberi statistik penuh bagi senarai syarikat-syarikat yang telah memohon sokongan jaminan pasaran bon sebanyak RM15 bilion menerusi Danajamin Nasional Bhd.
58. PR-022-L19737
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa syarikat-syarikat insurans tempatan enggan menawarkan perlindungan insurans kelas ketiga kepada pemilik-pemilik kenderaan lama dan apakah dasar Kerajaan terhadap perlindungan insurans untuk kereta lama dan langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah ini untuk meringankan beban pengguna.
59. PR-022-L19854
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengguna pakai kaedah imbasan Jari Pemilih pada hari mengundi.
60. PR-022-L18420
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimana Kerajaan menangani isu pertikaian sempadan dengan Thailand melibatkan Jeli, Padang Besar dan Wang Klian, sejauh mana pertikaian ini memberi kesan terhadap hubungan dua negara.
61. PR-022-L19147
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan untuk memperkasakan perpaduan negara dan apakah inisiatif baru yang akan dilancarkan oleh Jabatan Perpaduan untuk menangani rintangan-rintangan kepada integrasi nasional.

62. PR-022-L19038
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah yang dibelanjakan untuk urusan penyelenggaraan masjid dan surau di seluruh negara.
63. PR-022-L19892
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai kod etika penggunaan laman web Kerajaan oleh pegawai Kerajaan di pejabat mereka. Sila nyatakan laman web yang telah dilarang oleh Kerajaan untuk dilawat oleh pegawai Kerajaan dengan perkhidmatan Internet Kerajaan dan jumlah penulis laman web yang telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan setakat ini.
64. PR-022-L19259
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempertimbangkan penguatkuasaan undang-undang untuk memastikan pengusaha pengurusan makanan menyediakan dispenser sabun cair untuk menggantikan sabun ketul yang mungkin berisiko merebak penyakit berjangkit.
65. PR-022-L18720
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan fasa kedua Hospital Tuaran seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri tahun lalu dan berapakah peruntukan yang sedia ada untuk projek ini.
66. PR-022-L18764
Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bentuk bantuan kepada pelajar yang mengikuti program 'foundation' kerana tidak ada bantuan kewangan yang diberikan. Adakah pihak Kerajaan berhasrat membuka PTPTN untuk pelajar-pelajar peringkat 'foundation'.
67. PR-022-L19993
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Panglima Tentera Laut pernah menyatakan permohonan Kerajaan meminta TLDM melaksanakan strategi "Sea Denial" di masa hadapan dan seperti yang diumumkan dalam sidang akhbar 17 April di KEMENTAH. Apakah rasional Kerajaan untuk melaksanakan strategi ini.
68. PR-022-L19907
Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan Barisan Nasional tidak bertanding dalam Pilihan Raya Kecil Dun Penanti, adakah Kerajaan akan mengurangkan jumlah pasukan polis ketika kempen pilihan raya tersebut nanti, atau masih tetap menghantar pasukan polis yang ramai seperti di Kuala Terengganu dan Bukit Gantang serta Bukit Selambau dulu.

69. PR-022-L18905
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah hasil siasatan berkenaan seorang rakyat Malaysia yang terbunuh di Perairan Singapura iaitu P.Ramlee Bin Salam Awang telah selesai; dan
 - (b) adakah terdapat sebarang usaha bagi membawa balik bekas abang ipar mangsa iaitu Khamis Bin Muhammad ke negara ini untuk siasatan lanjut.
70. PR-022-L19302
Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah rakyat Malaysia yang belum mempunyai Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan khususnya mereka yang tinggal di pedalaman negeri Sarawak khasnya daerah Lubok Antu.
71. PR-022-L18609
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) sama ada Kerajaan menyiasat perkara seperti mana dituduh oleh Richard Lugar, Senator Amerika Syarikat mengatakan bahawa penglibatan pegawai kerajaan dalam penyeludupan pelarian-pelarian Burma; dan
 - (b) jika ya, apakah hasil siasatan
72. PR-022-L19432
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah balai polis yang ditenggelami oleh banjir di seluruh negara sejak tahun 1990, berapakah jumlah kerugian yang dialami dan apakah implikasi terhadap operasi dan pentadbiran balai polis terlibat. Dan apakah penyelesaian Kementerian terhadap Balai Polis Rantau Panjang yang saban tahun ditenggelami banjir.
73. PR-022-L19859
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan memastikan bahawa tarikh Sukan Malaysia di masa depan tidak akan jatuh pada Hari Gawai (1 Jun) supaya ahli-ahli sukan kaum Dayak dapat meraikan Hari Gawai dengan keluarga mereka.

74. PR-022-L19648
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana syarikat-syarikat herba tempatan berdaftar dengan Kementerian dalam memastikan ketulenan ubat-ubatan tradisional yang dijual kepada orang ramai.
75. PR-022-L18489
Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana pihak Kerajaan dapat membantu golongan usahawan tani yang menjalankan tanaman dan ternakan secara kecil-kecilan di kawasan luar bandar dalam memasarkan produk mereka seperti hasil tanaman cili, serai dan ternakan ikan keli, talapia, cacing dan sebagainya, agar membantu meningkatkan pendapatan mereka.
76. PR-022-L19551
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) mengandungi peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan Al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W; dan
 - (b) mengapa Kerajaan tidak meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 supaya ianya bersesuaian dengan Al- Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W.
77. PR-022-L18688
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing termasuk golongan profesional mengikut kategori pekerjaan di negara ini pada tahun 2006, 2007, 2008 dan enam bulan pertama tahun 2009.
78. PR-022-L19134
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapa banyak peruntukan yang telah disalurkan di daerah Dungun pada tahun 2008 bagi meningkatkan industri pelancongan dan adakah pihak Kementerian bercadang membangunkan semula kawasan pelancongan di daerah Dungun yang pernah terkenal suatu masa dahulu seperti Rantau Abang dan Bukit Besi.
79. PR-022-L19831
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyediakan dana untuk membantu generasi ke-2 FELDA bagi membina rumah setelah mereka mendapat lot tapak rumah di dalam kawasan FELDA.

80. PR-022-L19625
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan kutipan cukai pendapatan di negeri Kedah bagi tahun 2008 dan nyatakan jumlah pulangan balik melalui peruntukan geran tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri Kedah untuk tahun 2009.
81. PR-022-L18709
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah apa-apa tindakan yang akan diambil oleh SPRM terhadap calon-calon dalam pemilihan UMNO yang disabitkan dengan rasuah politik sedangkan mereka memegang jawatan penting dalam Kerajaan.
82. PR-022-L19918
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) secara terperinci portfolio pelaburan Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Nasional yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad; dan
 - (b) sama ada ia menepati piawaian syariah.
83. PR-022-L19607
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan persediaan dalam pemeteraian perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat dalam bidang
- (a) harta intelek: untuk memastikan tiada paksaan penerimaan akta dari AS yang mengakibatkan bayaran royalti berlebihan; dan
 - (b) perubatan: supaya subsidi perubatan yang sedia ada tidak terkesan dengan monopoli besar AS.
84. PR-022-L18401
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana aspek Affirmative di bawah 1 Malaysia dan Teras 3 di bawah Misi Nasional tidak digugat oleh Dasar Liberalisasi yang diumumkan baru-baru ini.
85. PR-022-L19266
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil atau dipertimbangkan oleh Kementerian untuk memansuhkan ISA.

86. PR-022-L19569
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak kerajaan sedar bahawa berlaku pertambahan jumlah kanak-kanak obesiti di sekolah rendah dan adakah pihak Kerajaan telah menjalankan kajian mengenai masalah obesiti di kalangan kanak-kanak dan kesan-kesan yang akan berlaku pada masa hadapan.
87. PR-022-L18546
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah pelajar yang gagal dari IPTA sejak tahun 2005 hingga 2008 secara keseluruhannya mengikut jantina dan apakah langkah susulan Kementerian untuk memastikan pelajar yang gagal ini diberi peluang yang kedua serta berapakah kos yang Kerajaan tanggung akibat daripada kegagalan ini.
88. PR-022-L18770
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengumumkan garis panduan FIC baru yang akan mencerminkan peranan baru FIC sepertimana yang dinyatakan dalam pakej rangsangan ekonomi kedua dan adakah Kerajaan akan berusaha lagi untuk meliberalisasikan dasar ekonomi negara agar dapat menarik pelaburan asing dengan berkesan.
89. PR-022-L19442
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai dan signifikasinya dalam pengecualian cukai terhadap arak, rokok dan judi dan adakah kajian dibuat sebagai perbandingan antara hasil pendapatan negara yang diraih berbanding kos yang terpaksa ditanggung Kerajaan atas kesan sampingan arak, rokok dan judi kepada rakyat.
90. PR-022-L19317
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status pembelian Eurocopter sama ada akan diteruskan atau tidak dan jika diteruskan berapakah harga sebuah.
91. PR-022-L18498
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan konsep dan agenda Satu Malaysia dan bagaimanakah ianya dilaksanakan di seluruh negara.
92. PR-022-L18675
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah sebenarnya Bumiputera lain yang berjumlah 0.5 juta orang dan sejak bilakah kaum ini diisytiharkan sebagai bumiputera sedangkan pada tahun 1960an semua bumiputera di Sabah terkandung dalam suku kaum yang tertentu sahaja.

93. PR-022-L18503
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maksud "Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" yang dilaung-laungkan oleh YAB Perdana Menteri dan nyatakan perubahan polisi yang spesifik akan dijalankan serta tindakan yang akan diambil terhadap anggota pentadbiran yang didapati melanggar seruan ini.
94. PR-022-L18942
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan harga barang-barang berasaskan petroleum seperti minyak pelincir kenderaan dan sebagainya. Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan.
95. PR-022-L19270
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes jangkitan Denggi dan Chikungunya untuk tahun 2003 hingga tahun 2009.
96. PR-022-L20074
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan menangani kemelesetan ekonomi selain pakej demi pakej rangsangan dan jika tidak ada usaha selain pakej tersebut, mengapa.
97. PR-022-L20121
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah beliau akan melaksanakan Konsep Satu Malaysia terutamanya perpaduan, penerimaan, negara bangsa, (nationhood) integriti, keadilan sosial dan meritokrasi. Apakah kekuatan dan kelemahan di dalam amalan konsep ini.
98. PR-022-L18972
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya menaikkan kadar insurans yang begitu membebankan pengguna.
99. PR-022-L19166
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tindakan Kementerian memberikan arahan kepada Radio RTM mengenai tujuh isu yang dilarang dalam siaran radio RTM termasuk politik pembangkang dan apakah tindakan akan diambil terhadap pegawai yang menyalah guna kuasa.

100. PR-022-L19991
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan yang sudah diambil selepas penduduk-penduduk perkampungan Bukit Koman jatuh sakit kerana menghidu asap yang dikeluarkan oleh syarikat perlombongan emas sejak Mac 2009:-
- (a) apakah tindakan yang diambil dan bila siasatan dijalankan; dan
 - (b) mengapa 'Carbon in Leach' digunakan dalam tapak kilang di mana jaraknya kurang dari 1km dari kawasan kediaman.
101. PR-022-L19273
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menjadikan negeri Sarawak sebagai Jelapang Padi.
102. PR-022-L18433
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah kawasan Bagan Dalam, Pulau Pinang tidak mempunyai Sekolah Tamil walaupun terdapat ramai penduduk kaum India di kawasan ini dan adakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membina Sekolah Tamil di kawasan Bagan Dalam.
103. PR-022-L18745
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai Konsep Gagasan 1 Malaysia yang disambut baik oleh rakyat Malaysia, namun bagaimanakah konsep ini dapat memelihara hak keistimewaan Bumiputera seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Adakah kaum Bumiputera sudah bersedia menerima perubahan dasar ini.
104. PR-022-L19777
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bentuk bantuan yang bakal diberikan kepada petani-petani yang mengalami kerosakan tanaman dan ternakan mereka semasa banjir yang lepas.
105. PR-022-L19808
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status pelantikan 800 pekerja kontrak di bawah Program CARI yang diperuntukkan di bawah rancangan Perangsang Ekonomi RM60 bilion. Sila nyatakan kaedah pelantikan.

106. PR-022-L19425
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kaedah-kaedah yang sedang dan akan diguna pakai untuk mengenalpasti sejauh mana penglibatan doktor pakar dalam skim "Full Paying Patient" di Hospital Selayang sedang menjejaskan prestasi doktor-doktor tersebut dalam rawatan pesakit biasa di dalam wad dan di klinik susulan.
107. PR-022-L19540
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat peruntukan dalam undang-undang bagi pelupusan dokumen seseorang warganegara luar yang keluar masuk ke negara ini. Jika ya, sila jelaskan.
108. PR-022-L19320
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebab-sebab kerja memperluaskan Jalan Gombak masih diteruskan sedangkan Menteri Wilayah Persekutuan telah berjanji dalam sesi parlimen lepas bahawa kerja akan siap menjelang Mei 2009 serta menyatakan sebab-sebab kerja gagal disiapkan mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Sila nyatakan jumlah kos projek, nama semua kontraktor dan bilakah projek ini akan disiapkan.
109. PR-022-L18837
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah pelajar sekolah rendah dan menengah yang dikenakan tindakan buang sekolah sepanjang tahun lalu mengikut kesalahan yang dilakukan dan jumlah guru yang terlibat dengan masalah disiplin serta apakah langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah tersebut.
110. PR-022-L18528
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) berapa ramaikah anggota dan pegawai yang sedang berkhidmat dengan Rejimen Askar Wataniah; dan
 - (b) berapakah kos keseluruhan setahun bagi menyelenggara dan menjadikan Rejimen ini aktif dan berfungsi sepenuhnya.
111. PR-022-L18478
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah program untuk menggalakkan rakyat Malaysia kembali bekerja di Malaysia terjejas oleh keadaan ekonomi.

112. PR-022-L19984
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengenai kegunaan cyanide di perlombongan emas di Bukit Koman:-
- (a) mengapa EIA yang diluluskan 10 tahun dahulu digunakan sebagai dasar pelepasan LAM kepada syarikat perlombongan berkenaan; dan
 - (b) adakah JAS enggan mengarahkan RAGM mengemukakan DEIA semasa penduduk-penduduk tempatan memohonkannya. Jika ya, mengapa. Jika tidak, apakah tindakan Kementerian selanjutnya.
113. PR-022-L18643
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk implementasikan gaji minimum peringkat sektor awam.
114. PR-022-L19677
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah yang akan diambil Kerajaan bagi mengatasi masalah defisit sebanyak RM46 bilion pada 2020 Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN) supaya dapat terus memberikan pinjaman untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
115. PR-022-L19513
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah (juga peratusan) kakitangan OKU (Orang Kurang Upaya) yang diambil bekerja dengan KPWKM dan apakah jawatan-jawatan yang mereka sandang.
116. PR-022-L19739
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota polis yang disabitkan di Mahkamah dan kesalahan-kesalahan yang mereka disabitkan bagi lima tahun yang lepas. Nyatakan jenis hukuman yang dijatuhkan terhadap mereka.
117. PR-022-L19840
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengupayakan atau merombak fungsi Suruhanjaya Tenaga Malaysia (STM) agar lebih efektif dalam menangani isu-isu tenaga seperti air dan elektrik.

118. PR-022-L19019
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil bagi memastikan bahawa penjualan makanan ringan yang tidak menyihatkan malah memudaratkan tidak dijual kepada penduduk Malaysia.
119. PR-022-L19482
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan panjang dalam menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing untuk melabur di WP Labuan sebagai menambah lagi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.
120. PR-022-L19958
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian berhasrat membangunkan pertanian bersepadu dalam memanfaatkan kawasan rayau orang asli di samping memberi pekerjaan dan pendapatan tetap kepada mereka.
121. PR-022-L19088
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi permasalahan 'scheduling' penerbangan Mas Wing ke Limbang yang hanya 2 kali sehari dan kadang kala dibatalkan hanya kerana dengan alasan 'not enough crew' yang mempengaruhi penerbangan 'connecting' yang seterusnya.
122. PR-022-L19233
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai nama 10 syarikat dan 10 individu yang mempunyai tunggakan cukai pintu paling tinggi di Malaysia, sejak bila setiap mereka mulai mempunyai tunggakan dan apakah status tindakan mahkamah terhadap mereka, jika tiada, kenapa.
123. PR-022-L19587
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah jumlah sekolah mengikut kategori sekolah rendah/menengah-Sekolah Kebangsaan, Cina, Tamil, Agama di mana jumlah murid satu sesi (pagi atau petang) telah melebihi jumlah yang disyorkan iaitu 1500 murid dan seterusnya, jumlah sekolah mengikut kategori yang telah melebihi purata 30 murid sekelas.

124. PR-022-L20175
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebenarnya peranan JAKIM dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi JAKIM khususnya dalam menggarap persoalan dan isu-isu dan cabaran-cabaran kontemporari.
125. PR-022-L19668
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa harga gas asli di Labuan yang di bekalkan oleh Petronas dan Sabah Energy Corporation sangat berbeza. Harga gas SEC yang tinggi telah mengakibatkan penutupan industry kita, bolehkah Petronas membekal terus kepada Guocerra Tiles Industri dengan harga yang murah.
126. PR-022-L18836
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Bank Negara Malaysia (BNM) membendung pengeluaran wang mesin simpanan (ATM) secara tidak sah menerusi kegiatan haram "Unit Kad Kredit Palsu".
127. PR-022-L19004
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan mengatasi sikap Institusi Perbankan menarik balik kemudahan pinjaman kepada komuniti peniaga yang berdaya maju.
128. PR-022-L19494
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa peratuskah keluarga di negara ini yang tidak memiliki rumah sendiri dan mengikut perancangan Kerajaan, bilakah akan wujud keadaan di mana setiap keluarga memiliki sekurang-kurang sebuah rumah sendiri.
129. PR-022-L19064
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dengan kepimpinan baru ini, bagaimanakah dasar luar negara kita akan dikemudikan oleh pucuk kepimpinan ini supaya kepentingan negara adalah sentiasa terpelihara terutamanya dalam urusan hubungan negara kita dengan ASEAN dan OIC serta hubungan dua hala dengan Singapura dan Indonesia.

130. PR-022-L19973
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) Berapakah jumlah pemohon-pemohon dari negeri Sarawak yang telah mendapat kelulusan untuk menerima bantuan kebajikan mulai Julai 2008 hingga sekarang ; dan
 - (b) apakah yang dilaksanakan untuk memastikan bantuan tersebut diberi dengan secepat mungkin.
131. PR-022-L18805
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah bentuk kawalan penyakit berjangkit yang dijalankan oleh Kementerian memandangkan mutakhir ini berbagai jenis penyakit yang menyebabkan berlaku jangkitan dengan cepat dan berbentuk epidemic dan pandemic.
132. PR-022-L19527
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah awal Kerajaan untuk merealisasikan slogan 1 Malaysia Rakyat didahulukan Pencapaian diutamakan.
133. PR-022-L18517
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kedudukan terkini di kalangan masyarakat dunia dan Malaysia dalam usaha menangani wabak INFLUENZA A (H1N1). Adakah rakyat Malaysia telah disiap sediakan untuk menghadapi serangan wabak INFLUENZA A (H1N1).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 15/2008) | Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008.
(Kementerian Pertahanan) | Bacaan Kali yang Kedua |
| 2. | (D.R. 19/2008) | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008.
(Kementerian Kewangan) | “ |
| 3. | (D.R. 20/2008) | Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008.
(Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) | “ |
| 4. | (D.R. 26/2008) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008.
(Kementerian Pengangkutan) | “ |
| 5. | (D.R. 13/2008) | Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 - Pertimbangan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008).
(Kementerian Dalam Negeri) | |
| 6. | (D.R. 30/2008) | Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008.
(Perdana Menteri) | “ |
| 7. | (D.R. 29/2008) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008.
(Kementerian Kewangan) | “ |
| 8. | (D.R. 4/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.
(Perdana Menteri) | “ |
| 9. | (D.R. 18/2008) | Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008.
(Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) | “ |
| 10. | (D.R. 7/2009) | Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pengesahan) 2009.
(Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi) | “ |

11. **Menteri Kewangan akan mencadangkan :-**

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan)".

12. **PR-022-U18570**

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sistem pendawaian luar terutama sekali bagi bekalan elektrik pada ketika ini. Adalah amat usang dan ada kalanya amat tidak teratur mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang ada pada ketika ini juga boleh mendatangkan bahaya kepada para pengguna terutama sekali bagi pendawaian yang merentasi jalan raya. Dan mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang sedia ada juga merupakan pencemaran pemandangan di mana kabel yang dipasang sering kali kelihatan tidak teratur, berjuntai dan usang. Maka dengan ini Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar atau pun polisi bahawa semua pendawaian luar bagi bekalan elektrik, terutama sekali di kawasan perumahan dibuat melalui sistem pendawaian bawah tanah."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

13. **PR-022-U18572**

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pemanasan dunia kini berada dalam keadaan yang kritikal dan salah satu daripada penyumbang kepada keadaan ini adalah penjanaan tenaga elektrik. Dan mengambil maklum bahawa bekalan bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik juga semakin berkurangan. Dan mengambil maklum bahawa keperluan bekalan elektrik di negara ini juga kian meningkat dan peningkatan ini sebahagian besar disebabkan oleh pembaziran tenaga elektrik, di mana lampu, kipas dan pendingin udara dipasang walaupun tidak diperlukan. Dan mengambil maklum bahawa isu ini adalah isu global tetapi dapat diselesaikan secara lokal di mana setiap orang mempunyai peranan untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik dan sekali gus mengurangkan punca pencemaran dan pemanasan dunia.

Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan menggubal satu dasar atau pun undang-undang bagi mendakwa dan menghukum mereka yang sengaja membazir tenaga elektrik. Ketetapan juga haruslah diambil untuk memastikan semua ketua Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan bertanggungjawab untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik ini dan dimuatkan sebagai salah satu daripada kriteria indeks petunjuk prestasi mereka."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

14. PR-022-U18573

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kanak-kanak adalah permata negara. Dan mengambil maklum bahawa potensi permata negara haruslah digilap sejak awal-awal lagi, seawal peringkat prasekolah mengambil maklum bahawa seawal peringkat pra-sekolahlah permata negara ini harus ditanamkan dan dibudayakan dengan unsur-unsur dan prinsip rukun negara dan konsep 1 Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa sebagai taman bimbingan pra-sekolah yang terbesar di seluruh negara, Tabika Kemas boleh memainkan peranan ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta pihak Tabika Kemas untuk memainkan peranan ini dengan lebih aktif lagi demi untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti, berilmu, sopan dan patriotik."

[Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

15. PR-022-U20149

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan strategi yang terpenting untuk melengkapkan negara ini terus menghadapi kemerosotan ekonomi dunia serta membolehkan negara ini mengambil kesempatan yang baik apabila ekonomi global mula pulih."

[Kementerian Kewangan]

16. PR-022-U20151

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan kaedah yang paling berkesan untuk mengatasi cabaran mungkin berlakunya pandemik selesema A H1N1 yang sedang melanda dunia. Dewan ini juga membincangkan jangkitan penyakit yang lain seperti meningitis, denggi dan leptospirosis."

[Kementerian Kesihatan]

17. PR-022-U19935

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

18. PR-022-U19942

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di Negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. PR-022-U19947

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

20. PR-022-U19953

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

[Perdana Menteri]

21. PR-022-U19956

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja penambahbaikan perjalanan dan pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)"

[Kementerian Dalam Negeri]

22. PR-022-U18678

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai keraguan rakyat Malaysia di Sabah terhadap kedudukan kerakyatan orang-orang asing tanpa proses yang ditetapkan dalam undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan yang hendaklah dikaji dan diputuskan."

[Kementerian Dalam Negeri]

23. PR-022-U18679

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dan menetapkan terhadap keraguan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan kepada Perkara 159 hendaklah tertakluk kepada Perkara 161E untuk menjamin perlindungan kedudukan Perlembagaan Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan bahawa persetujuan Tuan Yang Dipertua Negeri Sabah hendaklah diperolehi untuk pindaan kepada perlembagaan yang menyentuh Perjanjian 20 Perkara seperti:(a) Kewarganegaraan (b) Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak(c) Perkara di bawah kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri"

[Perdana Menteri]

24. PR-022-U18680

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan dengan seriusnya mengenai kadar kemiskinan yang melanda negeri Sabah. Apakah sebenarnya sebab-sebab kadar kemiskinan di negeri ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung, contohnya pada tahun 2007 kadar kemiskinan di Kelantan 7.2% sedangkan Sabah 16%. Keprihatinan mengenai kedudukan kemiskinan di Sabah haruslah diberi tumpuan yang khusus demi untuk memartabatkan rakyat Malaysia mendapat layanan dan perhatian yang sama tanpa mengira suku kaum, kebudayaan dan agama."

[Perdana Menteri]

25. PR-022-U18752

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mencari satu jalan untuk menyeragamkan segala undang-undang memeluk agama kerana keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini langsung tidak efektif dan tidak dapat dikuatkuasakan."

[Perdana Menteri]

26. PR-022-U18458

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membawa resolusi mengecam dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Sri Lanka di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kezaliman Kerajaan tersebut dalam pembunuhan orang awam Tamil beramai-ramai di Utara-Timur Sri Lanka."

[Kementerian Luar Negeri]

27. PR-022-U18462

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan penerapan lebih banyak calon-calon dari masyarakat India dalam sektor perkhidmatan awam. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian dalam isu ini agar pengambilan kakitangan ke dalam sektor perkhidmatan awam mengimbangi kaum, jantina dan merit."

[Perdana Menteri]

28. PR-022-U18464

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu kebanyakan Sekolah-Sekolah Tamil di Negara berada dalam keadaan yang serba kekurangan sehingga mendatangkan kesan negatif kepada para pelajar. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian khusus terhadap pembinaan Sekolah-Sekolah Tamil yang baru dan menaik taraf Sekolah-Sekolah Tamil yang sedia ada di mana perkara ini akan menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada pelajar."

[Kementerian Pelajaran]

29. PR-022-U20067

Tuan Liew Chln Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh MINDEF, mesti dibentangkan di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya dijadikan sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Kementerian Pertahanan]

30. PR-022-U20167

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan agar Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyegerakan proses penstrukturan semula air di seluruh negara agar pengurusan rawatan dan pengagihan air dikembalikan kepada pihak Kerajaan negeri bagi keefisyenan serta membela kepentingan rakyat dan pengguna, khususnya bagi negeri Selangor yang telah tergendala proses ini akibat sikap dingin pihak Kementerian dalam membuat keputusan yang wajar, tegas dan muktamad."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

31. PR-022-U20168

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengingatkan pihak Kabinet supaya jangan membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlu lebih berhati-hati dalam membuat keputusan khususnya dalam hal yang membawa implikasi pertentangan Mahkamah Sivil dan Syariah , contohnya dalam kes "agama bersama" atau "common" religion baru-baru ini, sebelum dirujuk pelbagai pihak seperti golongan pemimpin agama-agama termasuk para alim ulama, para pengamal perundangan sivil dan syariah, tokoh-tokoh akademik dan cendekiawan serta pemimpin masyarakat sivil, bagi memitigasi konflik pertentangan agama dan perundangan."

[Perdana Menteri]

32. PR-022-U20169

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini segera membuat ketetapan bagi menangani kemelut pemberian Biasiswa Seberang Laut JPA yang setiap tahun berdepan dengan pelbagai pertikaian dengan cara menjadikan sistem penilaian itu satu yang jelas kriterianya (peratus input akademik dan ko-kurikulum) dan telus untuk semua dan dijadikan ia satu isu kategori biasiswa cemerlang untuk seberang laut" serta menetapkan bidang-bidangnya yang lebih menyeluruh bukan sahaja perubatan dan kejuruteraan, tetapi juga kewangan dan ekonomi serta syariat, falsafah dan selainnya bagi benar-benar melahirkan tokoh-tokoh hebat dalam bidang masing-masing. Dewan ini juga perlu menetapkan pelbagai lagi biasiswa lain sama ada yang belajar dalam atau luar negara bagi golongan pelajar lain."

[Perdana Menteri]

33. PR-022-U19220

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

[Perdana Menteri]

34. PR-022-U19225

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

[Kementerian Dalam Negeri]

35. PR-022-U0188

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] akan mencadangkan:-

"**BAHAWASANYA** beberapa bulan yang terdekat ini, rakyat mendapati polis telah bertindak secara tidak bertanggungjawab, secara sewenang-wenangnya melanggar undang-undang dan pilih kasih (double standard) dalam tindakan-tindakan mereka.

Antara tindakan-tindakan mereka yang mempunyai unsur-unsur di atas adalah seperti berikut :-

1. Menghalang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak daripada memasuki Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada 3/3/2009.
2. Mematuhi arahan daripada Setiausaha DUN Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker DUN Perak apabila menghalang ADUN-ADUN Perak daripada memasuki DUN Perak pada 3/3/2009.
3. Pada 29/3/2009, YB Ong Boon Piaw, ADUN dari DAP bagi kawasan DUN Tebing Tinggi, Perak telah ditangkap dan ditahan kerana mengeluarkan DVD rakaman perjalanan persidangan DUN Perak yang berlangsung pada 3/3/2009 tetapi YB Dato' Dr Mah Hang Soon ADUN dari MCA bagi kawasan Chenderiang, Perak tidak ditangkap atau ditahan apabila beliau mengeluarkan insiden persidangan DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009.

4. Pada 5/5/2009, aktivis dan ahli akademik, Wong Chin Huat telah ditangkap selepas menyeru rakyat Malaysia berpakaian hitam.
5. Pada 6/5/2009, 14 orang individu termasuk seorang ahli Parlimen ditangkap merana menunjukkan soladiriti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
6. Pada 7 Mei juga, 15 orang individu dan 5 peguam ditangkap kerana menunjukkan solidariti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
7. Pada 7/5/2009, 69 orang individu termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri telah ditangkap dan ditahan semasa minum dan makan di restoran, sedang berjalan kaki atau pakai pakaian warna hitam di kawasan Ipoh, Perak. Kegiatan-kegiatan ini langsung tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.
8. Pihak polis mencero bohi DUN Perak pada 7/5/2009 dan secara paksa mengheret keluar YB V. Sivakumar, Speaker DUN Perak daripada DUN Perak dan mengurung beliau dalam sebuah bilik.
9. Sewenang-wenangnya tidak membenarkan rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009 ditayangkan dalam Majlis Makan Malam DAP di Sitiawan, Perak pada 9/5/2009 dan secara ganas dan berkelakuan samseng memberhentikan jamuan makan malam tersebut dan merampas alat-alat audio video yang digunakan untuk tayangan rakaman tersebut tetapi apabila pihak MCA menayangkan insiden 7/5/2009 tersebut di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009 mereka dibenarkan berbuat demikian.
10. Pada 26/5/2009 jam lebih kurang 7.00 pagi, polis telah sewenang-wenangnya menangkap 5 orang pekerja yang sedang membuat persiapan memasang belon untuk pelancaran mogok lapar di bangunan DAP Perak dan alasan yang diberikan oleh Ketua Polis Negeri Perak ialah kerana perkataan 'Daulat Tuanku' atas belon tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.
11. Polis bertindak tidak membenarkan orang ramai secara aman berkumpul untuk mengadakan kempen memasang lilin untuk menunjuk solidariti dengan rakyat Perak. Mereka yang berbuat demikian di Kuching, Pulau Pinang, Seputeh & Ampang, Kuala Lumpur telah ditangkap dan ditahan oleh pihak Polis.
12. Pada 26/5/2009, polis tanpa asas yang kukuh dari segi undang-undang telah menangkap 21 orang termasuk seorang Ahli Dewan Rakyat, 7 ADUN Perak.

13. Kedaulatan undang-undang dicabuli oleh pihak polis dan ia seakan-akan tidak ada undang-undang lagi di Malaysia terutamanya negeri Perak.
14. Beberapa laporan polis telah dibuat terhadap tindakan-tindakan salah di atas yang dilakukan oleh pihak polis tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap anggota-anggota polis yang bersalah.

BAHAWASANYA ramai rakyat sekarang mula memberi gelaran 'Polis, Raja di Malaysia' kepada pasukan polis dan pasukan polis tidak lagi digelar 'Polis DiRaja Malaysia' oleh mereka.

BAHAWASANYA setiap Ahli Dewan Rakyat telah berikrar untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Tindakan-tindakan salah polis di atas telah melanggar Perkara-perkara 5 (kebebasan diri), 8 (sama rata), 9 (kebebasan bergerak) dan 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan persatuan) Perlembagaan Persekutuan.

MAKA untuk memulihkan kepercayaan orang ramai kepada institusi polis dan juga untuk memastikan keadaan yang tersebut di atas diperbetulkan dan tidak berlarutan, saya ingin mengusulkan Dewan yang mulia ini untuk membuat satu ketetapan bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Hassan dipecat dari jawatannya dengan serta-merta.

[Kementerian Dalam Negeri]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2009</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.30	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2008	15 Jun 2009

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 15.6.2009 (Isnin)	1. Tuan Chua Tian Chang (Batu)	1. Bantahan ke atas projek rumah mewah di atas Taman Rekreasi DBKL, Taman Metropolitan, Batu.	1. Menteri Wilayah Persekutuan
2. 15.6.2009 (Isnin)	2. Datuk Chua Soon Bui (Tawau)	2. Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air didesak menyelesaikan masalah gangguan bekalan kuasa elektrik dan air yang kerap kali berlaku berterusan di Tawau.	2. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air